

13 MAR 2000

Mahathir-Pelabur

KERAJAAN AKAN TERUS TERIMA PELABUR UNTUK MENANAM MODAL

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus menerima pelabur tempatan dan asing untuk menanam modal di negara ini terutama dalam sektor industri.

Perdana Menteri berkata langkah itu bukan sahaja akan membolehkan syarikat-syarikat membuat keuntungan bahkan memberi peluang kepada kerajaan untuk mengenakan cukai kepada mereka.

"Kita perlukan wang (daripada cukai yang dikenakan) untuk mentadbir negara demi manfaat rakyat negara ini," katanya ketika merasmikan program pembesaran Fasa II kilang petrokimia Titan Petrochemicals & Polymers Berhad (Titan) di kawasan perindustrian Pasir Gudang, 45km dari sini, hari ini.

Projek pembesaran itu bernilai RM3.2 bilion. Titan Group ialah pelabur terbesar di Johor dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.5 bilion.

Dr Mahathir berkata pelaburan asing amat penting bagi Malaysia kerana ia dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Kita menjemput pelabur asing untuk melabur bukan kerana kita hendak mengenakan cukai terhadap mereka tetapi cuma untuk menyediakan pekerjaan untuk rakyat kita," katanya.

Perdana Menteri berkata pelabur asing yang telah menanam modal di Malaysia kini telah mewujudkan banyak pekerjaan sehingga kerajaan terpaksa membawa masuk pekerja asing untuk bekerja di kilang-kilang.

Pekerja asing yang kini berjumlah dua juta orang secara tidak langsung telah mendapat manfaat daripada dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan, katanya.

Mengenai Titan Group, Dr Mahathir berkata beliau bangga dengan kemajuan syarikat itu yang telah menjadi sebuah syarikat gergasi dengan mengeluarkan bahan-bahan petrokimia untuk kegunaan dalam dan luar negeri.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad Hamad Kama Piah Che Othman.

-- BERNAMA

MKO MAI